

05 JUL 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DR MAHATHIR PENERUS DIALOG PRA-BELANJAWAN

KUALA LUMPUR, 5 Julai -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau akan mempengerusi dialog pra-belanjawan yang akan dimulakan minggu depan.

Bercakap kepada pemberita di Seri Kembangan dekat sini, hari ini, beliau berkata bahawa beliau telah diberi taklimat mengenai dialog tersebut yang akan diadakan selama tiga hari.

Ditanya mengenai pemilihan Menteri Kewangan yang baru, Perdana Menteri sambil berseloroh berkata, "you tak berapa percaya ke saya punya kebolehan".

Apabila ditanya samada beliau akan membentangkan belanjawan di Parlimen nanti, beliau berkata beliau biasa membentangnya seperti yang telah dilakukannya pada tahun 1998.

Katanya lagi, " Malaysia boleh...Dr Mahathir pun boleh".-- BERNAMA
SHO ZK